



**KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI**

*MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION*

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN  
DANA FASILITASI  
TAHUN 2017**

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI, MALAYSIA**

**Februari 2017  
(Pindaan)**

---

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)  
Bahagian Dana  
Aras 4 , Blok C4, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62662 Putrajaya

---

KANDUNGAN	Halaman
1.0 <b>OBJEKTIF</b>	3
2.0 <b>KELAYAKAN</b>	3
3.0 <b>KUANTUM PEMBIAYAAN</b>	4
4.0 <b>SKOP PEMBIAYAAN</b>	4
5.0 <b>PERJANJIAN</b>	5
6.0 <b>PEMBAYARAN</b>	5
7.0 <b>PROSES DAN PROSEDUR PERMOHONAN</b>	5

---

## **1.0    OBJEKTIF DANA FASILITASI**

- 1.1 Dana ini disediakan bagi **membantu** pemohon mengurangkan jurang kegagalan (*valley of death*) antara fasa pra pengkomersialan kepada pengkomersialan.
- 1.2 Dana ini dapat membantu pemohon meningkatkan tahap kesediaan (*readiness*) produk-produk hasil daripada R&D untuk menembusi pasaran menerusi pendekatan bimbingan dan *hand-holding* oleh Agensi MOSTI yang dilantik sebagai Agensi Pelaksana.
- 1.3 Keutamaan diberi kepada:
  - a) penerima dana MOSTI; dan
  - b) hasil produk yang berdasarkan pada Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).
- 1.4 **Persediaan dan Fasilitasi Pengkomersilan Produk meliputi:**
  - a) Rekabentuk, termasuk pembungkusan produk
  - b) Akreditasi / Pensijilan / Technology Audit
  - c) Inkubasi
  - d) Latihan mandatori berkaitan projek
  - e) *Up-Scaling*

## **2.0    KELAYAKAN**

- 2.1 Syarat permohonan adalah seperti berikut:
  - i) Pemohonan dibuka kepada Syarikat SME tempatan.
  - ii) Pemohon mesti bekerjasama dengan Agensi Pelaksana yang telah dilantik oleh MOSTI.
  - iii) Syarikat yang memohon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 51% ekuiti dimiliki oleh rakyat Malaysia;
  - iv) Pengarah syarikat atau ahli pasukan projek tidak boleh disabitkan atas apa-apa aktiviti penipuan atau syarikat tersebut telah diisytiharkan muflis atau dibubarkan.
  - v) Pemohon mesti menunjukkan bukti bahawa produk yang lain dikomersialkan telah mempunyai potential buyer. Perlu menunjukkan analisis awal mengenai 'feasibility of products' yang telah dijalankan.
  - vi) Pasukan projek mesti membuktikan kecekapan dan komitmen untuk melaksanakan projek yang dicadangkan. *Curriculum vitae* dan dokumen sokongan bagi ketua projek dan setiap ahli kumpulan projek juga hendaklah dikemukakan;

- vii) Perlu memberi penerangan tentang model perniagaan (business model) yang diguna pakai.
- viii) Projek hendaklah dilaksanakan di Malaysia dan akan memberi manfaat kepada Malaysia; dan
- ix) Pemohon hanya boleh memohon satu geran di bawah MOSTI pada satu-satu masa.

## 2.2 Agensi Pelaksana

Agensi pelaksana adalah agensi yang telah dikenalpasti dan ditetapkan oleh MOSTI. Agensi pelaksana bertanggung jawab melaksanakan projek seperti perjanjian.

Lima (5) Agensi pelaksana yang telah dilantik oleh MOSTI ialah SIRIM Berhad, Bioeconomy Corporation, MIMOS Berhad, Majlis Rekabentuk Malaysia dan Technology Park Malaysia (TPM).

## 3.0 KUANTUM PEMBIAYAAN DAN TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK

Kuantum maksimum pembiayaan ialah RM500,000.00 dan tempoh pelaksanaan maksimum adalah 18 bulan.

## 4.0 SKOP PEMBIAYAAN

4.1 Perkara yang **dibiayai** adalah seperti berikut:

- a) Rekabentuk termasuk pembungkusan (item untuk promosi seperti ‘flyers’, ‘brochures’, multimedia)
- b) Akreditasi/ Pensijilan / Technology Audit (kecuali untuk membuat kilang atau loji pembuatan, OEM)
- c) Inkubasi termasuk pementoran (*Mentoring*)
- d) Pembangunan modal insan berkaitan projek (latihan berkaitan GMP, Halal, HACCP).
- e) *Up-Scaling* daripada peringkat pilot plant (perlu menggunakan peralatan sedia ada di agensi pelaksana yang dilantik oleh MOSTI).

4.2 Perkara yang **tidak dibiayai** adalah seperti berikut:

- a) Perbelanjaan di luar komponen pembiayaan seperti yang telah dinyatakan;
- b) Pembelian atau penyewaan aset seperti bangunan, kenderaan dan perabot;

- c) Pembinaan infrastruktur baharu, namun kerja-kerja pengubahsuaian infrastruktur dibenarkan jika ia adalah kritikal untuk melaksanakan projek dan ia perlu mendapatkan kelulusan MOSTI terlebih dahulu.
- d) Utiliti;
- e) Kos perjalanan;
- f) Gaji atau elauan kakitangan yang diambil kerja oleh pemohon; dan
- g) Cagaran atau pinjaman bagi apa-apa maksud.
- h) Sebarang perbelanjaan di luar skop pembiayaan atau variasi daripada garis panduan ini perlu dikemukakan secara bertulis daripada MOSTI.

## 5.0 PERJANJIAN

Dana Fasilitasi akan mempunyai dua (2) jenis perjanjian iaitu:

- a) perjanjian di antara MOSTI dengan Agensi Pelaksana; dan
- b) perjanjian di antara Agensi Pelaksana dengan Pemohon.

## 6.0 PEMBAYARAN

**Pembayaran terus 100%** jumlah peruntukan akan disalurkan kepada **Agensi Pelaksana** yang menjalankan projek selepas perjanjian dimuktamadkan. Agensi Pelaksana perlu bertanggung jawab untuk memastikan pengurusan peruntukan mengikut prosedur kewangan yang ditetapkan.

## 7.0 PROSES DAN PROSEDUR PERMOHONAN

- 7.1 Permohonan Dana Fasilitasi hendaklah dikemukakan secara atas talian melalui [www.edana.mosti.gov.my](http://www.edana.mosti.gov.my).

Bahagian Dana,  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)  
Aras 4, Blok C4, Kompleks C  
62662 PUTRAJAYA  
Tel : 03 - 8885 8324, 8367, 8704, 8322, 8305